# LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan adalah kepada rakyat Negeri Pahang yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

| BIL. | JAWATAN | GRED | KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | TARAF JAWATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **PEMBANTU OPERASI** | **N11** | **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN** | **TETAP** |

(a) Badan Berkanun : Lembaga Pembangunan Tioman

(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

(c) Jadual Gaji dan Elaun:-

| | | |
|---|---|---|
| **Gaji Minimum** | **:** | **RM1,216.00** |
| **Imbuhan Tetap Khidmat Awam** | **:** | **RM95.00** |
| **Imbuhan Tetap Perumahan** | **:** | **RM300.00** |
| **Bantuan Sara Hidup** | **:** | **RM200.00** |

### SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau

(ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15).

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

(1) Melaksanakan kerja-kerja pengurusan Stor Lembaga.
(2) Mengendalikan urusan penghantaran dan merekod dokumen.
(3) Menjalankan kerja-kerja fotostat dokumen, menyiapkan buku taklimat dan mesyuarat di Jabatan.
(4) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diberikan oleh Penyelia/Pengurus.

### CARA-CARA MEMOHON

(a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan, **LPT/BKP/PK-01/B01** hanya boleh diperolehi dengan muat turun melalui laman web Lembaga, https://www.tioman.gov.my.

(b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan Salinan Sijil atau salinan keputusan peperiksaan bagi kelayakan yang disyaratkan, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran yang telah **DISAHKAN**.

(c) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk temuduga.

(d) Pemohon - pemohon yang tidak menerima jawapan selepas *enam (6) bulan* dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

(e) Borang permohonan yang lengkap diisi boleh dihantar ke alamat seperti di bawah:

**PENGURUS BESAR**
**LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN**
**NO. 1, JALAN BESAR TG. GEMOK 1**
**TELUK GADING**
**26820 KUALA ROMPIN**
**PAHANG DARUL MAKMUR**

(f) Tarikh tutup permohonan pada **25 OGOS 2023**.